

NO. 200

THE LIBRARY OF  
THE UNIVERSITY OF TORONTO

CN: 3182

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100044371



LP 24 FPE 1 2006



1100044371

## **Analisis permintaan pelancong : kajian kes di Genting Highland: Pahang / Norainifuzidah Mohd Fauzi.**

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100044371

1100044371

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KIJSTEIN

## **ANALISIS PERMINTAAN PELANCONG: KAJIAN KES DI GENTING HIGHLANDS**

**Oleh**  
**NORAINIFUZIDAH BT MOHD FAUZI**

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan  
untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi  
(Sumber Alam)

**JABATAN EKONOMI**  
**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI**  
**MALAYSIA**

**2006**

## **PENGAKUAN**

Saya akui kertas projek (EKN4998/EKN4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dilampirkan.

**26 APRIL 2006**

.....  
**NORAINIFUZIDAH BT MOHD FAUZI**  
**UK 8419**

## **DECLARATION**

I hereby declare that this project paper (EKN4998/EKN4999) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledged by giving explicit reference and bibliography is appended.

**26 APRIL 2006**

.....  
**NORAINIFUZIDAH BT MOHD FAUZI**  
**UK 8419**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan-Nya kertas projek ini dapat disiapkan. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Akbar Ali bin Abd Kadir selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat di dalam proses untuk menyiapkan kajian ini.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, KUSTEM, ibu bapa serta rakan-rakan yang banyak memberi dorongan dan galakan sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada En. Mohd Mokhtar bin Bakar, Pengurus Bahagian Awam, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pahang kerana banyak memberikan maklumat dan data-data penting mengenai pelancongan di Genting Highlands, Pahang. Maklumat berguna ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kajian ini.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama menyiapkan kertas projek ini. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan digunakan sebagai panduan untuk kajian pada masa akan datang.

## **ABSTRAK**

Keindahan alam semula jadi di Malaysia khususnya di Genting Highlands, Pahang telah menjadi destinasi pilihan bagi para pelancong tempatan maupun asing. Penglibatan pihak kerajaan dan swasta dalam mempromosikan Genting Highlands telah menyebabkan jumlah kedatangan pelancong meningkat. Perbelanjaan pelancongan meliputi perbelanjaan ke atas kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan seperti kemudahan penginapan, pengangkutan dan perkhidmatan makanan. Perbelanjaan yang dibuat akan meningkatkan pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Kajian ini dibuat untuk melihat faktor-faktor yang menentukan perbelanjaan pelancongan di Genting Highlands, Pahang. Seramai 100 responden telah dipilih dalam menjalankan kajian ini dan dua analisis telah digunakan iaitu analisis diskriptif dan analisis regresi. Hasil kajian mendapati bahawa boleh ubah pendapatan dan kemudahan infrastruktur banyak mempengaruhi jumlah perbelanjaan pelancong. Kebanyakan pelancong mempunyai pendapatan yang tinggi dan sanggup meningkatkan jumlah perbelanjaan untuk mendapatkan kemudahan infrastruktur yang lebih selesa. kajian ini juga mencadangkan beberapa implikasi dasar untuk dijadikan panduan oleh penggubal dasar pada masa akan datang.

## **ABSTRACT**

Fascinating Malaysia especially those in Genting Highlands, Pahang has been destination of choice for the tourist inside and outside Malaysia. An aggressive promotion particularly in promoting Genting Highlands as a destination of choice has been done not only by the government, but as well as from the private sector. As a result, the number of tourist has increase due to the effort done by those agencies. Tourism expenditure could be classified into three. There are accommodations, transportation and food or catering services. The objective of this study being carried out is merely to foresee factors that influence tourism expenditure at Genting Highlands, Pahang. For the research purposes, 100 of respondents have been selected to be interviewed. For the analysis, regression and descriptive techniques are being used to analyze the data obtained from the survey. The findings of this study shows that income multiplier and accommodation infrastructure have great influence towards tourist total expenditure. Most of the tourist came from the higher income group and they are willing to spend more for the best infrastructure. The final objective of this study is to put appropriate recommendations as a future guidance especially for those who involve in the policy making.